

SOALAN LAZIM / FREQUENTLY ASK QUESTION (FAQ)

DISKAUN 20% BAGI PELANGGAN DI PLAZA TOL JAMBATAN PULAU PINANG

- A. SOALAN BERKAITAN DISKAUN 20% RFID
- B. SOALAN BERKAITAN DISKAUN 20% KAD PLUSMiles
- C. SOALAN AM

NO	SOALAN	JAWAPAN
A. SOALAN BERKAITAN DISKAUN 20% RFID		
1.	Bilakah PLUS akan mengaktifkan Diskaun 20% RFID kepada pelanggan yang layak di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang?	PLUS akan mengaktifkan Diskaun 20% RFID kepada pelanggan yang layak di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang pada 14 Julai 2020 .
2.	Adakah permohonan diskaun 20% RFID akan dibuka kepada semua kelas kenderaan?	TIDAK. Hanya kenderaan Kelas 2 dan 3 yang telah memasang Tag RFID sahaja yang layak memohon kadar tol diskaun 20% dengan menepati syarat.
3.	Jika saya menggunakan Sistem RFID diskaun 20% sebagai kaedah pembayaran tol dan menggunakan kenderaan Kelas 3, dimanakah lorong yang sepatutnya saya lalui?	Pelanggan boleh melalui lorong yang mempunyai papan tanda RFID. Memandangkan Lorong U26 adalah lorong khas RFID, kenderaan RFID kelas 3 juga dibenarkan melalui lorong tersebut.

NO	SOALAN	JAWAPAN
4.	Siapakah yang layak menikmati kadar tol diskaun 20% RFID di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang dan apakah dokumen yang perlu disediakan semasa melakukan permohonan?	<p>Terdapat 2 kategori :</p> <p>1. Penduduk Pulau Pinang.</p> <p>➤ <u>Syarat kelayakan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> a) Warganegara Malaysia. b) Berumur 17 tahun dan ke atas semasa tarikh permohonan. c) Kad Pengenalan pemohon beralamat Pulau Pinang. d) Setiap pelanggan hanya layak mendapatkan 1 diskaun sahaja. e) Kenderaan hendaklah didaftarkan di bawah nama pemohon atau keluarga yang terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak yang sah sahaja. <p>➤ <u>Dokumen sokongan yang diperlukan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> a) Salinan Kad Pengenalan pemohon b) Salinan Kad Pengenalan pemilik kenderaan, jika pemohon bukan pemilik kenderaan. c) Surat kebenaran dari pemilik kenderaan. d) Salinan geran kenderaan. e) Sijil Nikah atau Sijil Kelahiran pemilik kenderaan (jika pemilik kenderaan adalah ibubapa atau anak pemohon) <p>2. Pekerja atau Pelajar</p> <p>➤ <u>Syarat kelayakan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> a) Warganegara Malaysia b) Berumur 17 tahun dan ke atas semasa tarikh permohonan c) Bekerja/belajar di syarikat/institusi yang beralamat di Pulau Pinang d) Setiap pelanggan hanya layak mendapatkan 1 diskaun sahaja e) Kenderaan hendaklah didaftarkan di bawah nama pemohon atau keluarga yang terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak yang sah sahaja <p>➤ <u>Dokumen sokongan yang diperlukan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> a) Salinan Kad Pengenalan pemohon b) Salinan Kad Pengenalan pemilik kenderaan, jika pemohon bukan pemilik kenderaan. c) Surat kebenaran dari pemilik kenderaan. d) Salinan geran kenderaan; e) Sijil Nikah atau Sijil Kelahiran pemilik kenderaan (jika pemilik kenderaan adalah ibubapa atau anak pemohon) f) Pemohon hendaklah mengemukakan surat pengesahan pekerjaan/pengajian yang bertarih tidak melebihi 1 bulan dari tarikh permohonan.

NO	SOALAN	JAWAPAN
5.	Adakah permohonan diskaun 20% RFID boleh dilakukan di Kaunter Khidmat Pelanggan Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang?	<p>TIDAK.</p> <p>Pelanggan perlu melakukan permohonan melalui portal PLUSMiles sahaja dengan melayari www.jimatdipenang.plusmiles.com.my.</p>
6.	Bagaimanakah cara permohonan diskaun 20% RFID dilakukan?	<p>Pelanggan boleh melakukan permohonan dengan cara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Melayari portal PLUSMiles di www.jimatdipenang.plusmiles.com.my 2. Melengkapkan Permohonan Kadar Bayaran Tol Diskaun Jambatan Pulau Pinang dengan memilih RFID e-Wallet di ruangan Jenis Pembayaran Tol. 3. Memuat naik dokumen yang diperlukan.
B. SOALAN BERKAITAN DISKAUN 20% KAD PLUSMiles		
1.	Sebagai pemegang Kad PLUSMiles diskaun 20% untuk Kelas 3A, 4, 4A, 5, 5A, 6 & 7, adakah pelanggan dibenarkan untuk memohon diskaun 20% Sistem RFID?	<p>TIDAK.</p> <p>Pelanggan tidak dibenarkan memohon diskaun 20% RFID tetapi boleh memohon untuk mendapatkan Kad PLUSMiles dengan diskaun 20% kepada pelanggan yang layak seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Melayari portal PLUSMiles di www.jimatdipenang.plusmiles.com.my 2. Melengkapkan Permohonan Kadar Bayaran Tol Diskaun Jambatan Pulau Pinang dengan memilih Kad PLUSMiles di ruangan Jenis Pembayaran Tol. 3. Memuat naik dokumen yang diperlukan.

NO	SOALAN	JAWAPAN
2.	Adakah syarikat yang berpangkalan dan menjalankan operasi di Pulau Pinang layak untuk mendapatkan diskaun 20% Kad PLUSMiles?	<p>YA.</p> <p>Syarikat yang berpangkalan dan beroperasi di Pulau Pinang adalah layak untuk mendapatkan diskaun 20% Kad PLUSMiles.</p> <p>Permohonan boleh dilakukan dengan melayari laman sesawang www.jimatdipenang.plusmiles.com.my di Portal PLUSMiles.</p> <p>Berikut adalah dokumen yang diperlukan dan dimuat naik semasa melakukan permohonan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Salinan pengesahan syarikat yang didaftarkan dengan pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) 2. Salinan geran kenderaan
A. SOALAN AM		
1.	Adakah Kaunter Khidmat Pelanggan (POS) di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang akan beroperasi seperti biasa?	<p>TIDAK.</p> <p>Berikut adalah maklumat berkaitan pembukaan Kaunter Khidmat Pelanggan di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kaunter Khidmat Pelanggan akan beroperasi hanya dari jam 10pagi hingga 2petang. 2. Kaunter Khidmat Pelanggan hanya dibuka untuk perkhidmatan pembayaran kad PLUSMiles diskaun dan penyerahan kad kepada pemohon yang layak
2.	Adakah penggunaan Kad PLUSMiles diskaun tol 20% sedia ada boleh digunakan selepas saya menikmati diskaun RFID 20%?	<p>YA.</p> <p>Pelanggan masih boleh menggunakan kad PLUSMiles diskaun tol 20% sedia ada sehingga dimaklumkan kelak.</p>

NO	SOALAN	JAWAPAN
3.	Adakah pelanggan boleh memohon diskaun 20% Kad PLUSMiles sekiranya permohonan diskaun 20% RFID telah diaktifkan untuk kenderaan Kelas 2 dan Kelas 3?	TIDAK. Tiada permohonan baharu Kad PLUSMiles diskaun 20% kepada pemohon yang layak setelah diskaun 20% RFID diaktifkan.
4.	Sekiranya saya adalah pemegang Kad PLUSMiles diskaun 20%, adakah saya layak untuk memohon diskaun RFID 20%?	YA. Pelanggan yang layak adalah digalakkan untuk memohon RFID diskaun 20% tetapi masih tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.
5.	Saya dilahirkan di Pulau Pinang dan Kad Pengenalan saya menggunakan Kod Negeri Pulau Pinang (07). Alamat Kad Pengenalan saya adalah di Kedah. Adakah saya layak memohon diskaun RFID 20% atau Kad PLUSMiles diskaun?	TIDAK. Hanya Kad Pengenalan yang beralamat di Pulau Pinang sahaja yang layak memohon diskaun RFID 20% bagi kategori penduduk.
6.	Berapa lamakah tempoh kelulusan yang perlu saya tunggu selepas permohonan diskaun 20% RFID atau Kad PLUSMiles diskaun 20%?	Tempoh kelulusan selepas tarikh permohonan mengambil masa sekitar 3-7 hari, bergantung kepada maklumat serta dokumen sokongan yang lengkap. Walaupun bagaimanapun, kelulusan dan pengaktifan hanya akan bermula pada 14 Julai 2020
7.	Sekiranya permohonan diskaun 20% RFID diluluskan, bolehkah saya menuntut transaksi terdahulu yang tidak mendapat diskaun 20%?	TIDAK. Tiada tuntutan yang dibenarkan untuk transaksi sebelum ini.
8.	Berapakah tempoh sahlaku diskaun 20% RFID?	Tempoh sahlaku adalah selama 2 tahun dari tarikh permohonan diluluskan. Permohonan penyambungan diskaun hanya boleh dilakukan bermula sebulan dari tarikh tamat tempoh.

NO	SOALAN	JAWAPAN
9.	Di manakah lokasi lain berhampiran JPP untuk pengguna membeli kad pintar TnG?	Kad pintar TnG boleh dibeli di Touch 'n Go spot atau kedai serbaneka berdekatan yang terpilih.
10.	Adakah terdapat lorong hybrid (SmartTag/RFID) di JPP?	TIDAK. Hanya terdapat Lorong Khas SmartTag atau RFID sahaja.
11.	Bagaimana cara untuk "renew" kad PLUSMiles diskaun 20% JPP yang telah tamat tempoh?	<p>A. Berikut adalah tindakan yang perlu dilakukan oleh pelanggan jika kenderaan pelanggan adalah Kelas 2 atau Kelas 3:</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Pelanggan perlu mempunyai akaun e-Wallet dan telah memasang pelekat RFID ➤ Melayari portal PLUSMiles di www.jimatdipenang.plusmiles.com.my ➤ Melengkapkan Permohonan Kadar Bayaran Tol Diskaun Jambatan Pulau Pinang dengan memilih RFID e-Wallet di ruangan Jenis Pembayaran Tol. ➤ Memilih Permohonan Penyambungan RFID di ruangan Jenis Permohonan ➤ Memuat naik dokumen yang diperlukan. <p>B. Berikut adalah tindakan yang perlu dilakukan oleh pelanggan jika kenderaan pelanggan adalah Kelas 3A, 4, 4A, 5, 5A, 6 & 7:</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Melayari portal PLUSMiles di www.jimatdipenang.plusmiles.com.my ➤ Melengkapkan Permohonan Kadar Bayaran Tol Diskaun Jambatan Pulau Pinang dengan memilih Kad PLUSMiles di ruangan Jenis Pembayaran Tol. ➤ Memuat naik dokumen yang diperlukan.
12.	Apa yang perlu dilakukan oleh pengguna sekiranya caj dikenakan sebanyak 2 kali apabila melalui Lorong Smartag / RFID?	Pelanggan boleh melakukan tuntutan semakan atas talian dengan melayari laman sesawang www.touchngo.com.my dengan melengkapkan e-Refund form.